



**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
WILAYAH PERSEKUTUAN**
Aras G - 6, Rumah Persekutuan
Jalan Sultan Hishamuddin
50678 KUALA LUMPUR
MALAYSIA.

Tel. : 03-2610 3300
Faks : 03-2610 3499
Portal Rasmi : www.ptgwp.gov.my

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : PTG/WP.DFTR.600-3/1/1 JLD.600-3/1/1 JLD.14 (53)

Tarikh : 21 April 2026

BADAN PEGUAM MALAYSIA

No. 13, 15 & 17
Leboh Pasar Besar
50050 Kuala Lumpur

JAWATANKUASA PEGUAM KUALA LUMPUR

4th Floor
Wisma Hangsam
No. 1, Jalan Hang Lekir
50000 Kuala Lumpur

JAWATANKUASA PEGUAM SELANGOR

No. 41, Jalan Bola Jaring 13/15
Seksyen 13
40100 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PEMAKLUMAN PENYERAGAMAN REKOD WARGANEGARA RAKYAT CHINA DALAM
DOKUMEN HAKMILIK**

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, Bahagian Pendaftaran Hakmilik, Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PTGWPKL) kerap menerima permohonan\ pembetulan di bawah Seksyen 380 Kanun Tanah Negara (KTN) mengenai maklumat warganegara China yang masing – masing mempunyai rekod pasport berbeza. Bagi memperhalusi perkara ini, PTGWPKL telah mengemukakan permohonan pengesahan rekod warganegara rakyat China kepada Kementerian Luar Negeri (KLN).

3. Lanjutan urusan tersebut, KLN telah mengemukakan maklum balas dengan ringkasan maklumat dalam **JADUAL 1** seperti berikut:-

BIL.	MAKLUMAT DALAM PASPORT			REKOD WARGANEGARA DINYATAKAN DALAM HAKMILIK (D)
	JENIS PASPORT (A)	COUNTRY CODE (B)	NATIONALITY (C)	
1.	<i>People's Republic of China</i>	CHN	<i>Chinese</i>	China
2.	<i>Republic of China</i>	TWN	<i>Republic Of China</i>	Taiwan
3.	<i>Hong Kong Special Administrative Region, People's Republic of China</i>	CHN	<i>Chinese</i>	China

JADUAL 1 – Maklumat Penyeragaman Rekod Warganegara Dalam Hakmilik Untuk Warganegara China

3. Bagi tujuan penyeragaman rekod warganegara dalam instrumen dan borang – borang yang berkaitan, YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dimohon untuk memastikan kenyataan **warganegara warga asing dalam instrumen, borang atau permohonan kebenaran pindahmilik** adalah berdasarkan maklumat **seperti Kolum (D), Jadual 1** di atas.

4. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(ROZAINI BIN ROSLEY)